

PERSAMAAN DAN PERBEZAAN PLOT DI DALAM NOVEL DAN DRAMA NUR DARI SUDUT WACANA

Nor Hasmida Hilmi, Normaliza Abd Rahim and Mohd Azidan Abdul Jabar
Universiti Putra Malaysia

ABSTRAK

Adaptasi merupakan satu proses penyesuaian dengan keadaan sebelumnya atau berbeza. Hal ini sama dengan transformasi daripada drama ke novel, novel ke filem, filem ke novel dan lain-lain. Kajian ini mengenai sebuah drama popular berjudul Nur yang kemudian diadaptasikan ke novel. Kajian ini tertumpu tentang persamaan dan perbezaan plot yang ada di dalam kedua-dua media, bercetak dan audio-video-visual (AVV). Melalui kajian ini dapat dilihat melalui adaptasi drama ke novel ada pengekal dan perbezaan dari segi plotnya yang pengkaji mahu tonjolkan khususnya drama Nur ini. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti persamaan dan membincangkan perbezaan di dalam drama dan novel Nur. Kajian ini berbentuk kajian kualitatif. Jadi pengkaji menganalisis skrip drama dan novel Nur untuk mengumpul data. Bahan kajian yang digunakan oleh pengkaji ialah drama dan Novel Nur untuk dianalisis. Pengkaji terlebih dahulu menonton drama serta membaca novel tersebut untuk menganalisis bahagian atau babak yang ada persamaan dan perbezaan. Pengkaji menggunakan pendekatan analisis wacana (Normaliza Abd Rahim, 2018) sebagai panduan kajian ini. Melalui kajian ini, terdapat pengekal dan perubahan dilakukan oleh pihak pengarah serta penulis. Jadi, kajian ini jelas menunjukkan adaptasi ini mempunyai persamaan dan perbezaan dalam sesuatu karya seni. Dengan itu, kajian ini dapat memberi ilmu kepada masyarakat mengenai proses adaptasi sama ada kebanyakan berlaku rombakan dari sudut jalan cerita atau hanya sesetengah sahaja diubah mengikut persepakatan penulis novel dan pengarah drama.

Kata Kunci:

Wacana, Adaptasi, Novel, Drama, Persamaan, Perbezaan, Nur

PENGENALAN

Adaptasi novel ke drama, drama ke novel ini telah banyak dilakukan di Malaysia mahu pun di luar negara. Kajian ini dilakukan untuk menganalisis persamaan dan perbezaan plot di dalam drama dan novel tersebut. Dalam melaksanakan adaptasi akan ada yang berpuas hati dan sebaliknya disebabkan kelainan anggapan dalam bentuk bercetak dan audio-video-visual (AVV). Masyarakat masing-masing pasti ada mengharapkan kualiti yang sedia maklum oleh mereka akan sama dengan bakal diadaptasikan. Oleh yang demikian, terdapat pandangan mengenai adaptasi menurut L. Thomas (2013) di dalam *Film Adaptation and Its Discontents* menyatakan bahawa adaptasi ialah satu kajian di bawah kesusasteraan yang menyediakan penilaian untuk menguji filem secara umum. Kajian ini diletakkan dalam bidang sastera kerana adaptasi satu proses yang rumit antara pengarah dan pengarang. Pelbagai aspek boleh dikaji, hal ini kerana drama dan filem mempunyai penyampaian yang berbeza. Drama memerlukan imej dari seorang pelakon, kesan bunyi dan dialog manakala novel pengarang perlu lebih bijak memilih patah kata untuk menarik emosi pembaca. Melalui kajian ini pengkaji akan menghuraikan persamaan dan perbezaan plot atau jalan cerita antara kedua-dua medium ini daripada sudut wacana. Wacana menurut Asmah Hj Omar (1986) ialah keseluruhan kelahiran bahasa oleh penutur atau penulis, iaitu kelahiran sistem bahasa dan unsur-unsur luar daripada sistem bahasa yang menyumbang ke arah menjadikan sesuatu pertuturan atau tulisan berkenaan sebagai sesuatu yang bermakna dalam komunikasi. Begitu juga dengan kajian ini yang melihat dari sudut wacananya kerana di dalam drama mahu pun novel pasti ada dialognya. Perkara ini menjadi wacana kerana daripada pertuturan atau penulisan itu akan menyumbang kepada kata yang lebih luas.

Kajian Wacana dalam Drama dan Novel

Kajian yang dijalankan oleh Eka Herlina (2018) memfokuskan kepada unsur luaran daripada wacana iaitu perujukan watak khususnya dalam percakapan. Sumber kajian ini menggunakan drama bersiri Jepun bertajuk *Nihonjin no Shiranai Nihongo*. Analisis teks terhadap perujukan watak mendapati banyak penggunaan kata perujukan yang digunakan oleh watak melalui dialog yang disampaikan. Teks skrip drama ini menggunakan perujukan watak yang dipengaruhi oleh status sosial, kekuasaan, usia dan situasi yang perlu peka dalam penggunaannya. Justeru, ujaran-ujaran yang diperkatakan inilah mengembangkan ayat yang kompleks dalam kajian. Selain itu, selari dengan kajian Faiznur Farhana dan Badrul Redzuan Abu Hassan (2016) menjadikan naskah filem, telefilem dan drama tempatan terpilih sebagai bahan kajian. Makalah tersebut memfokuskan dengan menganalisis kritis wacana konstruksi sinematik ke atas identiti budaya tempatan di Malaysia khususnya Sabah. Dapatan kajian mendapati adanya pengherotan, keterasingan dan penstereotaipan terhadap filem daerah 'keSabahan'. Dalam pembikinan filem ini, identiti masyarakat Sabah dapat ditonjolkan konstruksi 'keSabahan' mengikut imaginasi pengaruh filem. Dengan itu, wacana kedaerahan berkembang melalui layar skrin untuk dipertontonkan kepada masyarakat. Seperti kajian Faiznur Farhana dan Badrul Redzuan Abu Hassan (2016), kajian oleh Fatimah Muhd Shukri dan Nur Afifah Vanitha Abdullah (2018) juga dalam menonjolkan keunikan di Malaysia melalui layar perak dengan wacana alternatif sesuai dengan judulnya *Sepet* (2005) yang mengemukakan tentang Malaysia memiliki pelbagai kaum. Kajian ini menunjukkan medium ini menjadi wacana alternatif untuk memperkenalkan kepada mata orang luar akan tentang keunikan Malaysia. Seterusnya, Denik & Wirawati (2015) di dalam kajiannya Analisis Wacana Naskah Drama *Esok, di Neraka* turut bersetuju drama yang diperlihatkan kepada penonton berdasarkan ceritera sekeliling dalam kalangan masyarakat yang dimainkan di peringkat layar skrin yang ditambah serta dikurangkan. Kajian ini dilakukan untuk penelitian mengenai kohesi dan koheren sebagai penghubung wacana tulis di dalam naskah drama tersebut. Kajian wacana di dalam drama yang lain dijalankan oleh Hasuria Che Omar (2012) pula adalah analisis wacana kritis dalam *Siri Raja Lawak* pada 2008 menerusi pengungkapan verbal dan bukan verbal di dalam rancangan televisyen tersebut. Bersandarkan sumber data yang diperoleh humor yang dibawa oleh subjek iaitu Nabil memberikan satu kritikan melalui sindiran dan nasihat dalam penyampaian komedinya. Wacana dilihat di dalam teks dan bahasa, praktis wacana *Raja Lawak* di dalam televisyen, praktis sosiobudaya, mesej audio visual dan kesan terhadap psikososial audien.

Di samping itu, berdasarkan kajian oleh Isma Yudi Primana (2016) melalui novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* menumpukan wacana etnosentrisme sama dengan kajian Faiznur Farhana dan Badrul Redzuan Abu Hassan (2016) kerana ia melibatkan kebudayaan dan etnik. Berdasarkan novel yang dikaji ia menunjukkan wacana etnosentrisme melalui prasangka, stereotaip, diskriminasi, dan jarak sosial. Hal ini adalah pandangan atau sikap yang percaya bahawa golongan atau kebudayaan etnik sendiri lebih unggul daripada golongan atau kebudayaan etnik lain. Dalam pada itu, naskah *Supernova: AKAR* oleh Sumanti (2015) memfokuskan analisis wacana daripada sudut kohesi dan koheren. Menurut kajiannya, wacana teks penting untuk mentafsirkan makna yang disampaikan di dalam novel kepada pembaca. Rangkaian ayat tersebut mampu disampaikan dalam proses menganalisis wacana teks ini untuk pemahaman pembaca. Kajian lain wacana di dalam novel melalui novel *Kawin-kawin* kajian Che Abdullah Che Ya (2015). Dapatan kajian ini menunjukkan pengkarya menggunakan sastera dalam menyampaikan isu politik memaparkan tentang ideologi, penyelewengan dan perebutan kuasa. Wacana politik ini disampaikan melalui novel dan dibincangkan dalam kajian ilmiah sebagai penyelidikan disebabkan terdapat simbol dan lambang yang tersirat untuk pembaca. Begitu juga dengan kajian daripada Dian Pramita Sugiarti (2013) turut sama mengkaji wacana politik di dalam novel *Chinmoku*. Kajian ini menunjukkan isu politik keagamaan bagi tujuan tertentu sewaktu pemerintahan Jepun. Penyebaran agama Kristian mempunyai tujuan tertentu yang dimanipulasikan untuk menguasai Jepun malah berlakunya persaingan agama yang sedia ada di negara matahari terbit itu. Kajian seterusnya oleh Jamilah Bebe Mohamad (2016) pula menggunakan novel terjemahan terpilih *Harry Potter* untuk menganalisis wacana kritis dari segi amalan sosiobudaya. Fokus penelitian kajian melibatkan aspek ideologi, politik dan ekonomi. Hasil kajian ini menunjukkan

bahawa amalan sosiobudaya ahli sihir sememangnya ada di dalam novel. Hal ini kerana Harry Potter merupakan naskah tentang penceritaan dunia ahli sihir maka perbandingan dilakukan dalam dunia mereka dengan dunia masyarakat biasa.

Wacana Perbandingan

Kajian mengenai Mencari Titik Persamaan dan Perbezaan dalam Novel dan Filem Popular Melayu oleh Mohamad Azmi Ab. Rahman dan Phat A/L Awang Deng (2016) membuat penelitian dari segi persamaan dan perbezaan di dalam kedua-dua media iaitu novel dan filem. Menerusi kajian ini pengkaji membincangkan penulis dan pengarah sama ada ceritanya dikekalkan, dikeluarkan atau digururkan, ditambah dan diubahsuai dengan apa sahaja alasan. Dalam hal ini menunjukkan perbandingan bagi kedua-dua naskah ini dalam menyampaikan cerita adaptasi adanya persamaan dan perbezaan antara satu sama lain. Seterusnya, kajian oleh Mohamed Nazreen Shahul Hamid dan Md. Salleh Yaapar (2015) selari dengan kajian Mohamad Azmi Ab. Rahman dan Phat A/L Awang Deng (2016) yang menganalisis unsur perbandingan naratif antara teks Hikayat Merong Mahawangsa dan filem. Kajian tersebut juga memfokuskan naratifnya iaitu plot, watak, latar, gaya penulisan dan tema untuk melihat sejauh mana wujudnya persamaan dan perbezaan antara filem dengan karya tersebut. Selain daripada itu, kajian oleh Luluk Sekar Tunjung (2019) juga sama kajiannya iaitu transformasi novel ke filem. Dalam setiap kajian adaptasi pasti perbandingan antara kedua-dua medium ini tidak akan lepas untuk diperbahaskan. Begitu juga kajian ini didapati ada kelainannya, antaranya novel ada tema tingkat sosial dan egois sedangkan di dalam filem terdapat tema tingkat fizikal, tingkat sosial, dan tingkat egois. Perkara inilah menunjukkan perbandingan karya adaptasi novel kepada filem Kirishima, Bukatsu Yamerutteyo itu. Kajian perbandingan yang lain pula ada dijalankan oleh Sharifah Nurul Huda Alkaff, James McLellan dan Najib Noorashid (2018) tetapi menggunakan bahan kajian akhbar di Malaysia. Akhbar yang digunakan ialah Berita Harian (BH) sebagai sumber akhbar dalam Bahasa Melayu dan New Straits Times (NST) sebagai sumber akhbar Bahasa Inggeris. Tumpuan kajian ini adalah untuk membandingkan antara teks berita Melayu dan Inggeris yang melaporkan peristiwa yang sama serta meninjau tahap keselarasan terjemahan kedua-duanya. Hasil kajian ini mendapati laporan BH lebih terperinci maklumatnya berbanding NST. Kajian perbandingan turut menggunakan medium lain sama dengan kajian Sharifah Nurul Huda Alkaff, James McLellan dan Najib Noorashid (2018) dilihat dalam kajian oleh Roslina Mamat, Nor Shahila Mansor, Hazlina Abdul Halim dan Normaliza Abd Rahim (2015). Makalah ini memfokuskan perbezaan dan persamaan ciri luaran karikatur manga dan dojinshi di Malaysia. Antara aspek yang dimaksudkan ialah pakaian, latar belakang gambar, bentuk muka, saiz mata, fesyen rambut dan ciri-ciri fizikal karikatur. Manga, komik yang asalnya daripada Jepun lalu diterjemahkan dalam bahasa Melayu atau pun Inggeris, dojinshi pula komik yang ditulis dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris oleh peminat manga di Malaysia. Dapatan kajian ini membandingkan persamaan dan perbezaan yang sememangnya ada di dalam kajian ini. Hal ini berlaku kerana dojinshi menerapkan ciri-ciri luaran manga sepenuhnya dan ada juga tidak memasukkan langsung ciri-ciri luaran manga kepada komik mereka. Namun begitu, penulis manga ada mengaplikasikan kedua-dua budaya Melayu dan Jepun (anime) ke dalam karakter dojinshi mereka.

Kajian perbandingan juga dilihat melalui kajian Hani Salwah Yaakup (2018), yang menumpukan kajian adaptasi Tombruo dari novel ke filem. Dengan itu dapat dilihat bahawasanya terdapat banyak perbezaan antara kedua-dua medium ini. Perkara ini berlaku disebabkan menonton filem dengan membaca novel satu aktiviti yang berlainan. Jika membaca novelnya pembaca akan menikmati bacaan tanpa ada bayangan yang berlaku namun jika pembaca menonton pula siri ini di pawagam pasti pengalaman berbeza malah lebih memahami tentang kebudayaan masyarakat Kadazan-Dusun. Di samping itu, kajian oleh Nur Elyana Madah dan Zairul Anuar Md. Dawam (2017) juga melibatkan kebudayaan dalam novel dan filem. Berdasarkan kajian menunjukkan adat Minangkabau ditekankan malah berperanan penting dalam kedua-dua medium tersebut. Perbezaan status disebabkan watak Zainuddin bukan asalnya orang Minang malah dalam adat itu perlu mencari orang dalam adat yang sama untuk berpasangan. Jurang sosial yang berbeza ini telah memberi kesan

kepada watak-watak utama dalam menjalinkan hubungan. Seterusnya, Agustina Pancadasa Mahardhika (2019) dalam kajian bandingannya menerusi transformasi novel London Love Story ke filem. Karya adaptasi sering dikaitkan akan perbandingan disebabkan akan mempersoalkan kesamaan atau beza dalam penyampaian. Dengan itu, kajian ini menunjukkan adanya perubahan dari segi penambahan dan pengurangannya namun tidak ketara. Kajian perbandingan terakhir daripada Nur Nafishah Azmi, Rohani Hashim dan Rahimah A. Hamid (2012) juga sama meneliti dari aspek adaptasi novel ke filem yang bertajuk Ranjau Sepanjang Jalan. Kajian ini bertujuan melihat kesetiaan di dalam teks bagi kedua-dua medium. Kajian mendapati karya seni ini berbeza maka pasti ada perbezaan antara keduanya disebabkan ideologi antara pengarah dengan penulis berlainan. Tambahan lagi, filem memerlukan masa terhad untuk memaparkan babak berbanding novel yang memerlukan pengolahan lebih kompleks.

METHODOLOGY

Kajian ini merupakan sebuah kajian yang berbentuk kualitatif. Kajian ini juga dijalankan dengan menggunakan kaedah analisis teks bagi drama dan novel Nur. Kajian ini dilaksanakan bagi memenuhi tujuan kajian sejauh mana persamaan dan perbezaan untuk kedua-dua medium ini. Bagi menyempurnakan kajian ini, pengkaji telah membuat pemerhatian isi cerita drama Nur dari sudut plotnya lalu membandingkan plot dalam novel tajuk yang sama untuk mendapatkan data yang jitu. Dengan itu pengkaji menggunakan drama Nur untuk siri pertama yang berjumlah 19 episod dan novelnya berjumlah 96 bab untuk dianalisis. Namun begitu, pengkaji hanya memilih beberapa episod untuk ditonjolkan persamaan dan perbedaannya iaitu sebanyak lima plot cerita dalam drama dan novel yang dipilih secara rawak. Drama ini telah dipilih atas sebab kejayaan drama yang merangkul pelbagai anugerah di Malaysia antaranya Anugerah Skrin 2018 mengangkat Nur sebagai drama rantaian terbaik dan kategori Pelakon Wanita Terbaik Drama Rantaian dan Pelakon Lelaki Terbaik Drama Rantaian juga dari drama popular tersebut yang dibintangi oleh Amira Rosli (Nur) dan Syafiq Kyle (Adam). Selain itu, pada Anugerah Drama Festival Kuala Lumpur (DFKL) 2019 menunjukkan dominasi drama rantaian Nur meraih enam trofi utama iaitu Drama Pilihan, Aktor Pilihan, Pasangan Pilihan, Antagonis Pilihan, Pengarah Pilihan dan Skrip Pilihan.

Drama dan novel ini mengisahkan Adam seorang ustaz muda yang baru menghabiskan pengajiannya di Jordan dan merupakan anak penceramah bebas yang terkenal. Namun begitu, telah mememukannya dengan gadis bernama Nur yang merupakan seorang pelacur tetapi berminat untuk mendalami agama Islam. Perkenalan yang tak terduga bermula ketika Adam memberikan kuliah subuh di masjid ayahnya lalu mendapat soalan dari pengirim misteri iaitu Nur. Perkenalan seorang pelacur dengan seorang ustaz ini lama-kelamaan berputik cinta namun hubungan mereka mendapat tentangan hebat untuk disatukan daripada keluarga Adam dan masalah keluarga Nur yang kacau-bilau malah masyarakat turut sama memandang serong akan perhubungan mereka. Dalam masa yang sama keluarga Adam mahu menjodohkannya dengan Qhadeeja yang datang dari keluarga baik-baik malah kenal rapat dengan ayahnya, Datuk Haji Mukhsin. Semua plot drama dan novel dilihat dan dicatatkan persamaan dan perbedaannya untuk memudahkan proses analisis. Selepas itu, plot tersebut akan dianalisis dengan pendekatan analisis wacana (Normaliza Abd.Rahim, 2018).

Pendekatan ini mengandungi tiga elemen iaitu Kandungan, Konteks dan Andaian. Kandungan ini terdiri daripada satu sub elemen iaitu tema. Tema ini menerangkan sampel, bahan dan jenis berdasarkan sumber data yang diperolehi. Konteks pula merangkumi sub elemen tatabahasa, latar dan emosi yang membabitkan data pengkaji. Seterusnya, andaian juga terdapat tiga sub elemen iaitu pendapat, perujukan dan persoalan. Pendapat ini digunakan untuk menyampaikan buah fikiran pengkaji berpandukan data untuk dikembangkan wacananya, perujukan pula menyasarkan kepada apa yang mahu difokuskan manakala persoalan merangkumi segala apa yang menjadi tanda tanya untuk disampaikan lalu diterjemahkan kepada wacana. Namun demikian, pengkaji hanya

menggunakan elemen ketiga iaitu Andaian untuk menganalisis data kerana ia bersesuaian dengan kajian yang pengkaji bincangkan.

Teori Analisis Wacana (Normaliza Abd Rahim, 2018)		
Kandungan	Konteks	Andaian
1. Tema Sampel/ Bahan/ Jenis(Cerita/ pidato/diskriptif surat/ dll)	1. Tatabahasa 2. Latar 3. Emosi	1. Pendapat 2. Perujukan 3. Persoalan

HASIL DAN PERBINCANGAN

Kajian ini dianalisis dengan menggunakan elemen andaian yang terdapat dalam pendekatan analisis wacana (Normaliza Abd. Rahim, 2018). Analisis yang lebih rinci diterangkan berdasarkan persamaan dan perbezaan drama dan novel Nur. Elemen andaian ini menyentuh tentang tiga aspek, iaitu pendapat, perujukan dan persoalan yang akan menjelaskan persamaan dan perbezaan plot drama dan novel Nur.

Jadual 1: Persamaan Plot Drama dan Novel

Episod/ Bab	Plot Drama/Novel
Episod 1 (00:25) Bab 2	Dimulakan dengan rumah Datuk Hj. Mukhsin mengadakan majlis kesyukuran terdengar alunan zikir marhaban daripada sekumpulan pelajar tahfiz diketuai Amirul selaku anak bongsu Hj. Mukhsin. Gadis bernama Qhadeeja sedang merakam suasana dengan telefon bimbitnya. Adam terpanjang Qhadeeja lalu sama-sama berpandangan. Amirul mendekati abangnya yang mengambil angin di luar rumah untuk mengucapkan tahniah setelah menghabiskan pengajiannya dan kagum mahu mengikut jejak abangnya dan ayah. Aisyah, kakak mereka meminta Adam menghantar keluarga Qhadeeja yang sudah mahu pulang depan rumah untuk bertemunya. Sekembalinya Qhadeeja ke rumah, dia mengimbas kembali kenangan sewaktu kecilnya perkenalan keluarganya dan keluarga Adam yang pernah berjiran dahulu serta kali pertama dia menyimpan perasaan terhadap Adam. Plot ini turut sama ada dalam novel yang mana langsung tiada penambahan atau pun pengurangan.
Episod 2 (01:08) Bab 11	Selesai mengimamkan solat subuh, Adam kelihatan keluar dari masjid sambil menyinsingkan lengan bajunya. Di situ, Adam perasan ada seorang gadis sedang terbongkok-bongkok di meja sedang menulis, berasa hairan lalu menegurnya namun gadis itu terkejut dengan reaksi berlebihan sedang tergamam dengan wajah pucat ketakutan. Saat Adam menegur kenapa tidak masuk ke dalam masjid tetapi dengan kelang-kabut gadis itu melarikan diri. Adam mendekati meja itu melihat kertas dengan soalan “ <i>Assalamualaikum, ustaz. Kenapa Allah...</i> ”. Dalam hal ini plot ini dikekalkan dalam novel mengenai babak kali pertama watak-watak utama dipertemukan.
Episod 2 (22:33) Bab 16	Cik Mona iaitu mak Nur menyediakan kopi lalu memanggil Nur minum bersama, tiada sahutan daripada Nur, dia bertindak ke bilik Nur namun tiada. Cik Mona terpanjang laci meja yang terbuka lalu menyelongkar didapati beberapa keratan akhbar, majalah dan buku agama. Cik Mona memarahi Nur setelah Nur pulang dengan mengoyak kertas-kertas itu di depan Nur kerana tidak mahu

	barang-barang tersebut ada di dalam rumahnya serta mengingatkan Nur mereka ialah pelacur dan mereka ialah ahli neraka tidak perlu mempelajari semua itu. Amaran turut diberikan supaya Nur tidak lagi membawa bahan-bahan bacaan agama itu ke dalam rumahnya. Plot ini sama dalam novel yang menunjukkan mak Nur mengamuk tentang adanya simpanan keratan bacaan agama di rumah.
Episod 5 (26:08) Bab 28	Selesai solat subuh di tempat selalu dirinya solat. Nur berdoa dengan penuh khusyuk, pengharapan dan merintih keikhlasan meminta ampun serta pertolongan Allah untuk dia keluar dari lembah hina itu dan dalam doanya terselit kata bahawa tiada jemu untuk dia meminta dan akan terus menunggu rahmat-Nya. Tanpa disedari oleh Nur, segala rintihan itu didengari oleh Adam di belakangnya yang terpana dengar doa-doa Nur seorang pendosa yang rindukan Allah. Hal ini diceritakan dalam novel babak bertemunya Adam semula setelah dia mencari Nur dalam keadaan Nur sedang berdoa di lorong.
Episod 8 (04:35) Bab 44	Adam berwirid selepas solat zuhur di biliknya. Aishah kakak Adam masuk ke biliknya mengamuk mahukan Adam menjelaskan keadaan sebenar tentang apa Adam lakukan di lorong setelah gambar Adam dan Nur tersebar di internet dengan keterangan " <i>Anak Penceramah Terkenal Pengunjung Setia Lorong Belakang?</i> ". Hal ini juga ditunjukkan dalam novel bahawa keluarga Adam marah dan kecewa akan berita yang mengaibkan itu. Keterangan gambar yang tersebar itu juga sama dengan drama yang ditunjukkan dalam novel.

Persamaan Plot dalam Drama dan Novel

Data 1: Episod 1 (00:25) dan Bab 2

Pendapat

Dalam konteks ini, persamaan ini dikekalkan untuk permulaan drama serta jalan ceritanya melalui awal bab novel. Hal ini dilakukan untuk memperkenalkan cerita ini dengan mengangkat kisah sebuah keluarga yang mempunyai pegangan agama yang kuat untuk memperkenalkan keluarga Adam serta Datuk Hj. Mukhsin selaku penceramah selebriti terkenal.

Perujukan

Selain itu, terdapatnya sekumpulan pelajar tahfiz sedang mengalunkan bait-bait zikir yang indah itu merujuk kepada keluarga Adam sangat mementingkan agama dengan mengadakan majlis kesyukuran di atas kejayaan Adam menghabiskan pengajiannya. Acara ini dilakukan penuh dengan nilai ajaran Islam bukannya membuat parti yang melalaikan.

Persoalan

Persoalan dapat dilihat melalui drama dan novel ini tentang jalan cerita imbas kembali bahawa Qhadeeja teringat memori zaman persekolahannya yang selalu memerhatikan Adam secara senyap. Dalam situasi ini berkemungkinan Qhadeeja telah mula menyukai Adam sejak zaman sekolah lagi.

Data 2: Episod 2 (01:08) dan Bab 11

Pendapat

Dalam hal ini plot ini dikekalkan dalam novel bab 11 mengenai babak kali pertama watak-watak utama dipertemukan secara demikian. Jalan cerita ini mempunyai persamaan cara mempertemukan Adam dan Nur seperti dalam drama berkemungkinan menunjukkan kesan pertanyaan kerana sebuah pertemuan yang tidak disengajakan membuat penonton dan pembaca untuk terus mengikuti jalan ceritanya.

Perujukan

Adam menegur gadis yang berselendang yang leka menulis itu merujuk kepada watak utama wanita dalam drama dan novel tersebut iaitu Nur yang pengarah dan pengolah novel ini jadikan babak pertemuan kali pertama antara keduanya. Nur inilah watak utama drama ini yang mengangkat tema hidayah daripada seorang pelacur.

Persoalan

Nur menulis pada kepingan kertas itu menunjukkan watak cuba menulis soalan untuk diberikan kepada ustaz. Hal ini selari dengan permulaan ayat dalam pertanyaannya berbunyi "*Assalamualaikum, ustaz. Kenapa Allah...*". Soalan yang tergantung yang ditinggalkan oleh Nur jelas menunjukkan kepada Adam, gadis tersebutlah selama ini sangkaannya jemaah misteri yang selalu mengajukan soalan dalam kuliah subuhnya.

Data 3: Episod 2 (22:33) dan Bab 16

Pendapat

Persamaan plot ini ditonjolkan untuk memberitahu penonton dan pembaca bahawa Nur mempunyai halangan hebat untuk dirinya mencari hidayah Allah. Babak dimarahi oleh ibunya sendiri yang menentang dirinya mempelajari Islam inilah antara yang menguatkan kecekalan Nur untuk mendekati diri pada Tuhan.

Perujukan

Perujukan Cik Mona mengoyak kertas-kertas yang berada di tangannya itu adalah merupakan simpanan keratan ilmu agama yang disorokkan oleh Nur di biliknya. Keratan tersebut adalah dari hasil dirinya ambil ketika terjumpa di tepi jalan mahu pun di tempat kerjanya iaitu restoran sebagai pencuci pinggan setelah dia berhenti menjadi pelacur.

Persoalan

Adegan Cik Mona mengamuk kepada Nur hanya disebabkan di dalam rumahnya ada bahan bacaan agama ini menunjukkan satu persoalan bahawa tindakan itu, mengacukan ibu Nur sangat membenci serta menjauhi agama disebabkan pekerjaan hina mereka. Justeru, perkataan yang dilontarkan ibunya,

iaitu mereka dan jiran tertangga yang turut membuat pekerjaan sepertinya ialah ahli neraka yang semestinya tidak layak ke syurga walaupun Nur cuba menjadi lebih baik.

Data 4: Episod 5 (26:08) dan Bab 28

Pendapat

Bahagian ini turut sama ada dalam novel yang menceritakan Adam bertemu semula setelah mendapat sokongan ayahnya supaya mencari Nur. Pertemuan yang merubah persepsi Adam terhadap Nur di atas doa yang dipanjatkan oleh Nur di lorong gelap. Plot ini masih diteruskan untuk drama dan novel disebabkan babak inilah berkemungkinan yang menggerakkan perasaan keinsafan bukan hanya untuk penonton dan pembaca tetapi kepada watak Adam yang pada hemahnya perempuan lorong ini adalah sama dan tidak sepatutnya dia dekati. Sorotan ini penting untuk meraih emosi penonton dan pembaca bahawa sebagai hamba walau siapa pun manusia itu berhak menyembah-Nya.

Perujukan

Perujukan ini menunjukkan Adam tersentuh dengan doa-doa Nur selepas Nur menunaikan solat di lorong. Doa-doa yang dipohonkan itu adalah merujuk pada rintihan seorang pendosa seperti Nur terhadap permintaannya atas dosa-dosanya serta tidak jemu berdoa menunggu pertolongan Allah untuk keluar dari lembah hitam itu. Doa inilah menunjukkan keinsafan dan taubat seorang hamba sepertinya.

Persoalan

Persoalan timbul menunjukkan bahawa Nur solat di tempat kebiasaannya. Hal ini menunjukkan tempat yang dimaksudkan adalah hanya satu lorong gelap dan sunyi. Tempat inilah Nur sering beribadah disebabkan halangan daripada ibunya serta masyarakat sekeliling tidak menyokong niat baiknya.

Data 5: Episod 8 (04:35) dan Bab 44

Pendapat

Bahagian ini menunjukkan konflik watak utama Adam dan Nur bermula. Penyebaran gambar Adam bertemu dengan Nur di lorong saat Adam menjawab soalan yang mahu Nur tanyakan ketika pertemuan pertama mereka di masjid telah tersebar. Dalam hal ini menunjukkan salah faham berlaku menyebabkan keluarga Adam sebagai keluarga terhormat mendapat aib. Dapatan ini menunjukkan kuasa penyebaran fitnah melalui teknologi masa kini adakala mampu mengundang masalah bagi institusi kekeluargaan seperti drama dan novel Nur ini.

Perujukan

Keterangan di dalam internet, "*Anak Penceramah Terkenal Pengunjung Setia Lorong Belakang?*" ini merujuk kepada Adam yang merupakan anak penceramah terkenal seorang yang kaki maksiat kerana mengunjungi lorong belakang yakni tempat golongan tunasusila menjalankan aktiviti

perniagaan seks. Keterangan tersebut dikeluarkan tanpa menyelidiki terlebih dahulu tujuan Adam mengunjungi tempat itu hanya kerana individu cuba meraih perhatian masyarakat.

Persoalan

Persoalan daripada plot yang diceritakan ini, Aishah balik ke rumah ayahnya lalu menyerang Adam dengan menyoal secara kasar tentang kesahihan gambar yang tersebar. Bahagian ini menimbulkan persoalan tentang Adam mahu menerangkan perkara sebenar sedangkan kakak dan ibunya terlalu beremosi dengan berita tersebut. Dengan pengakuan dan penerangan Adam terhadap gosip itu menunjukkan kakak dan ibunya menyalahkannya serta kecewa dengan tindakan Adam.

Jadual 2: Perbezaan Plot Drama dan Novel

Episod / Bab	Plot Drama/ Novel
Episod 1 (31: 11) Bab 9	Adam ke masjid untuk mengimamkan solat subuh serta memberikan kuliah. Ada soalan daripada pengirim misteri yang dikirimkan melalui jemaah lelaki dengan pertanyaan “Jika benar Allah itu wujud, di manakah Allah sekarang? Plot yang dipertontonkan ini juga sama dengan novel namun sedikit plot berbezanya adalah dalam drama Adam tidak menjawab soalan itu dengan hujah penuh kerana beralih kepada babak lain. Sebaliknya, dalam novel Adam menerangkan secara terperinci dengan ayat al-Quran surah Taha ayat lima dan babak Nur pengirim soalan misteri itu berada di luar masjid mencatat jawapan di dalam buku notanya dan berpuas hati dengan jawapan ustaz Adam.
Episod 6 (30:07) Bab 34	Di gerai makan, Nur menceritakan kepada Adam orang golongan baik-baik dan agama membuat orang-orang sepertinya kelihatan hina dan menghakimi mereka sebagai pendosa. Tambahan lagi, menceritakan bukan kali pertama Nur dibaling orang masjid terompah kena kepalanya tetapi kali kedua untuk menghalaunya dari jejak masjid. Plot yang diceritakan ini diceritakan secara langsung di depan Adam. Berbeza pula dalam novel plot cerita ini ditonjolkan dalam bab 1 secara terperinci babakannya Nur dibaling terompah hingga dahinya berdarah oleh Hj. Dollah, selaku siak halau Nur dari masjid.
Episod 7 (20:58) Bab 40	Selesai solat subuh berjemaah di masjid. Ada jalan cerita Adam mula mengajar Nur mengaji, mengajar soal agama Islam dengan secara imbas lalu menunjukkan beberapa kali babak tersebut di masjid. Dalam pada itu, plot di novel menunjukkan perbezaan kerana adegan Nur termenung semasa sarapan setelah solat subuh di masjid. Nur terkenangkan sewaktu dimelacurkan diri dahulu. Lelaki-lelaki yang telah meragut keperawanannya. Akibat Nur melayan secara tidak rela, dia diludah dan dihina. Perkara ini tidak ditontonkan dalam drama kerana di layar skrin Nur tidak menceritakan bahawa dia pernah melacurkan diri tetapi cerita cara dia mengelakkan diri mengatakan dirinya ada HIV untuk mengelak diganggu lelaki.
Episod 19 (31:58) Bab 96	Setelah keluar dari rumah Hj. Mukhsin, Nur mencari maknya di merata tempat kerana telah dihalau oleh Marzuki malah rumahnya turut dijual. Nur bertemu maknya sedang nazak di tempat sebelum ini iaitu lorong Nur selalu solat. Akhirnya, Cik Mona mengakui Allah itu wujud setelah selama ini merajuk dengan Allah dan mula tidak percayakan Allah. Plot ini berlainan diolah dalam novel kerana babak ini Nur dan Adam bersama-sama mencari Cik Mona malah setelah menjumpainya

Cik Mona sempat berterima kasih kepada Adam mengambil anaknya sebagai isteri sebelum menghembuskan nafas terakhir.

Episod 19 (37:07)
Epilog

Adam telah ke rumah Nur untuk meminta maaf dan mengatakan hasrat untuk rujuk kembali dan diakhiri Nur memaafkan Adam dan tidak berdendam kerana faham situasi Adam ketika itu dalam kawalan sihir pemisah yang dihantarkan kepadanya. Sementara itu, novel pula diolah adanya bab tambahan iaitu epilog plotnya ialah Adam dan Nur melawat kubur Cik Mona sambil Nur mengusap batu nisan maknanya. Nur bercerita tentang permulaan baru dalam hidupnya dan Adam.

Perbezaan Plot dalam Drama dan Novel

Data 6: Episod 1 (31: 11) dan Bab 9

Pendapat

Rentetan daripada jalan cerita tersebut menunjukkan bahawa munculnya watak utama wanita iaitu Nur dengan cara menyusup masuk ke masjid secara senyap dengan memberikan soalan agama kepada Adam. Perbezaan ini berlaku disebabkan dalam drama batas waktu singkat untuk memperjelaskan jawapan Nur itu dalam bentuk drama. Sebaliknya, novel mampu memberikan hujah secara terperinci mengenai soalan kuliah daripada Nur. Dalam penulisan pengolah atau penulis boleh melanjutkan ayatnya tanpa bimbang akan keterbatasan waktu siaran seperti drama.

Perujukan

Perujukan pula terdapat dalam drama dan novel ini apabila adanya jemaah misteri yang menghulurkan soalan untuk kuliah subuh. Jemaah misteri ini merujuk kepada Nur pelacur yang sering ke masjid untuk mencuri mendengar kuliah agama tetapi tidak berpeluang untuk menjejaki masjid tersebut kerana pandang serong masyarakat terhadapnya. Namun begitu, gelaran jemaah misteri ini digunakan oleh Adam semasa perbualan dengan ayahnya mengenai soalan-soalan yang sering ditanyakan namun tidak tahu siapa pengirimnya.

Persoalan

Seterusnya, persoalan daripada perbezaan plot drama dan novel ini adalah melalui ayat soalan Nur Jika benar Allah itu wujud, di manakah Allah sekarang? Jelas menunjukkan Nur sememangnya mencari hidayah Allah. Pertanyaan soalan yang dianggap tinggi tahapnya oleh Adam ini tercetus dari sifat ingin tahu yang tinggi oleh seorang pendosa yang mahu bertaubat tetapi tidak tahu caranya kerana tiada didikan agama daripada keluarganya.

Data 7: Episod 6 (30:07) dan Bab 34

Pendapat

Novel memerlukan penjelasan rinci untuk diceritakan satu persatu walaupun hanya memori lama bagi meraih emosi pembaca kerana imaginasi pembaca diperlukan untuk memahami teks namun drama penggunaan watak yang mempamerkan reaksi sedih semasa bercerita senang penonton fahami.

Perujukan

Situasi Nur menceritakan hingga keluar perkataan membuat orang-orang sepertinya merujuk kepada golongan maksiat seperti pelacur, pezina, pencuri dan sebagainya ini golongan pendosa yang disisih oleh masyarakat. Hal ini disebabkan Nur sedar akan dirinya ialah wanita yang hina pada pandangan masyarakat.

Persoalan

Penceritaan Nur kepada Adam mengenai dirinya kali kedua pada hari itu mahu dihalau oleh siak dengan terompah menunjukkan persoalan kepada para penonton drama kerana plot itu tidak diceritakan dalam drama tetapi dalam novel babak kali pertama Nur dihalau ditonjolkan secara jelas. Perbezaan ini mengelirukan penonton drama bila kejadian kali pertama itu berlaku. Sebaliknya, pembaca mengetahui lebih awal maksud kata-kata Nur kerana diceritakan dalam bab yang khusus.

Data 8: Episod 7 (20:58) dan Bab 40

Pendapat

Berdasarkan drama yang menunjukkan Adam berdakwah di masjid kepada Nur selepas solat subuh secara ringkas untuk drama cukup menunjukkan perjalanan masa yang lama dan banyak yang diajar kepada Nur. Lain halnya dalam novel, cerita diolah jelas menunjukkan babak itu selepas solat subuh Adam pergi sarapan dengan Nur dan berdakwah semasa makan. Hal ini berlaku kerana Adam sengaja membawa Nur makan untuk berdakwah di tempat terbuka kerana tidak senang dengan pandangan siak masjid yang memandang tidak senang akan hubungan mereka.

Perujukan

Perujukan di dalam plot ini saat Nur terkenang memorinya saat dia pernah melayan secara tidak rela pelanggannya sewaktu dahulu. Dalam hal ini, drama langsung tidak menceritakan bahawa Nur pernah melacurkan diri jadi akan ada penonton beranggapan Nur tidak pernah hilang keperawanan disebabkan selalu mengelak mengatakan dirinya ada HIV. Plot imbas kembali novel tersebut berbeza merujuk Nur pernah ditiduri lelaki walau secara paksa.

Persoalan

Persoalan daripada perbezaan plot dalam drama tiada diceritakan Nur hilang keperawanan akibat kerja yang dilakukan. Hal ini menjadi persoalan adakah Nur langsung tidak ditiduri atau pun pernah berbuat demikian? Dengan penjelasan melalui novel menunjukkan dalam keadaan terpaksa Nur melayan lelaki-lelaki yang melangganinya atas desakan bapa ayahnya.

Data 9: Episod 19 (31:58) dan Bab 96

Pendapat

Melalui petikan itu, perbezaan ketara kerana drama menunjukkan hanya Nur seorang mencari ibunya yang ketika itu berstatus janda setelah dicerai Adam, kesan sihir pemisah yang dihantarkan kepada mereka. Lain pula kisahnya dalam novel kerana mampu panjangkan jalan cerita untuk menambahkan konflik perasaan dalam pembacaan sedangkan drama selalunya telah dihadkan episod tayangan oleh pihak stesen televisyen.

Perujukan

Plot pada novel yang mana Cik Mona sempat berterima kasih kepada Adam kerana mengahwini Nur itu merujuk tanda kesyukurannya kerana disebabkan Adam boleh menerima Nur yang serba kekurangan itu maka anaknya bebas daripada lorong itu dan berjaya menjadi orang yang baik.

Persoalan

Di samping itu, plotnya turut berubah dengan persoalan Cik Mona mula mempercayai Allah saat dirinya nazak. Hal ini tidak mustahil berlaku kerana seseorang itu akan diuji dalam hidupnya saat ditimpa kesusahan yang pastinya kita akan mencari tempat pergantungan. Dengan itu, Cik Mona mula mengakui kewujudan Allah setelah sekian lama dia meninggalkan Allah.

Data 10: Episod 19 (37:07) dan Epilog

Pendapat

Perbezaan yang sangat ketara ini menerusi pengakhiran ceritanya berbeza kerana dalam novel bahagian epilog sering ada dalam dunia penulisan untuk memuaskan lagi perasaan pembaca. Melalui penambahan ini dapat mengubat hati pembaca pada jalan ceritanya yang pasti saat akhir pembacaan, pencinta novel kebanyakan rasa tidak puas untuk mengetahui lebih lanjut.

Perujukan

Elemen perujukan ada perbezaannya kerana novel memaparkan epilog yang Nur mengusap nisan ibunya. Babak dalam novel ini merujuk setelah kematian Cik Mona, Nur dan Adam melawat kubur Cik Mona yang berbeza dalam drama babak ini tidak ditunjukkan. Dengan itu, menunjukkan tanda ingatan anak terhadap ibunya walaupun si ibu seorang yang jahil namun kasih sayang tidak diukur akan baik atau jahatnya seseorang.

Persoalan

Persoalan daripada kata-kata bahawa permulaan baru dalam hidupnya. Hal ini menunjukkan setelah segala cabaran dan masalah yang dihadapi sepanjang kisah hidupnya dengan Adam selesai maka dirinya dan Adam hidup bahagia dengan restu keluarga Adam.

RUMUSAN

Sebagai rumusan, kajian ini memberikan tumpuan kepada plot drama dan novel Nur sebagai bahan kajian untuk dianalisis. Kajian ini meneliti daripada sudut persamaan dan perbezaan setelah diadaptasi daripada drama kepada novel. Berdasarkan kajian, pengkaji mendapati dari segi persamaan, pengarah dan pengolah novel masih banyak mengekalkan plotnya. Kajian Wan Hasmah Wan Teh & Md. Salleh Yaapar (2015) dalam dapatan kajiannya memilih untuk mengekalkan struktur asas naratif novel ke filem. Namun begitu, tidak dinafikan proses adaptasi sesuatu karya pasti ada sedikit perbezaannya begitu juga drama dan novel ini tetapi tidaklah mengubah hampir kesemua plotnya. Kajian Agustina Pancadasa Mahardhika (2019) analisis mendapati proses adaptasi novel ke dalam filem pasti akan terjadi perubahan yang bervariasi, penambahan cerita, pengurangan pada cerita yang tidak mungkin dihindari. Tambahan lagi, kajian tersebut sama pendapatnya melalui kajian Nur Yuhanis Mohd. Nasir, Rahmah Bujang dan Eizan Mat Hussain (2016) analisis yang dilakukan berdasarkan adaptasi teks dan persembahan, perubahan pasti berlaku dalam melakukan adaptasi, namun pengadaptasi perlu peka dan sensitif apabila mengangkat sastera tradisional ke sesuatu format baharu. Hal ini sama dengan kajian pengkaji walaupun ada sedikit perbezaan tetapi tetap peka akan keaslian drama agar jalan ceritanya masih sama. Perbezaan yang didapati dalam kajian adalah daripada segi plot cerita berlaku penambahan plot namun tidak terlalu banyak daripada drama sebenar. Tambahan lagi, ada momen yang diceritakan lebih rinci dalam novel berbanding drama yang lebih memuaskan kepada pembaca. Terakhir adalah adanya berlaku beberapa penukaran babak drama ditukar kedudukannya dalam novel. Oleh itu, kajian adaptasi ini dilihat tidak ketara perbezaannya jika berlaku adaptasi demi mengekalkan keaslian idea pengarah atau penulis.

KESIMPULAN

Natijahnya, kajian ini memberi impak positif kepada para pengarah tanah air untuk bersaing menghasilkan naskah drama atau filem yang berkualiti sebagai pilihan diadaptasikan. Seterusnya, kesan positif turut terkena tempiasnya kepada para penerbit novel kerana jika novel daripada penerbitannya menjadi pilihan pengarah drama atau filem dapat memberi imbuhan lumayan kepada syarikat terbabit. Bukan itu sahaja, penulis novel mahu pun penulis skrip drama juga akan lebih giat

berkarya menghasilkan novel yang mampu menarik para pembaca dan pengarah filem untuk menjadikan novelnya berpindah kepada layar skrin. Secara tidak langsung bidang penulisan akan melahirkan penulis yang berpandangan luas ekoran daripada persaingan sihat untuk mendapat tempat novel di hati pembaca serta pengarah untuk dijadikan naskah seni hiburan. Bagi kajian akan datang diharap dapat membuat penambahbaikan atau membuat penumpuan kepada bandingan kedua-dua medium dari segi pilihan drama atau filem yang berunsur animasi karikatur tanah air. Hal ini kerana, bidang animasi di Malaysia kian mendapat tempat dalam masyarakat tempatan dan luar negara. Sebagai contohnya, Upin dan Ipin, Boboiboy dan Ejen Ali yang meraih kutipan jutaan ringgit di pawagam tempatan. Tambahan lagi, menurut Harian Metro bertarikh 17 Mac 2019 filem animasi Upin dan Ipin bukan sahaja menembusi pasaran Indonesia tetapi juga negara China. Kejayaan animasi Boboiboy pula berjaya memasuki pasaran Singapura, Indonesia, Brunei dan Korea Selatan menurut laporan Berita Harian bertarikh 28 Februari 2017. Ini termasuk juga animasi Ejen Ali yang juga ditayangkan di pawagam luar negara iaitu Singapura, Indonesia dan Brunei seperti dalam laporan Berita Harian 21 Disember 2019. Justeru, kajian bentuk ilmiah dapat menggunakan medium ini sebagai bahan kajian agar perkembangan animasi tempatan kian tersebar lebih luas.

RUJUKAN

- Agustina Pancadasa Mahardhika. (2019). Transformasi Novel London Love Story Karya Tisa Ts ke Film London Love Story Karya Asep Kusdinar (Kajian Ekranisasi). Fakulti Ilmu Budaya Universiti Diponegoro, Semarang.
- Badrul Redzuan Abu Hassan (2017). Filmografi ‘Anak Mami’ dan Wacana Keetnikan: Sebuah Perspektif Kritis. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication* Jilid 33(1) 2017. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Devi Nirmala Muthia Sayekti (2018). MENJADI BINTANG ATAU BINATANG Analisis Wacana “Othering” dalam Film “The Greatest Showman”. *Sabda: Jurnal Kajian Kebudayaan*, vol. 13, no. 2, pp. 100-109, Dec. 2018. Universiti Gadjah Mada.
- Devina Innasita Kusumaningrum (2019). Referensi Persona Dalam Serial Drama “Nihonjin no Shiranai Nihongo” Episode 1 dan 2 Karya Takuya Masumoto. *Jurnal Mahasiswa* Vol 3, No 1. Universitas Negeri Surabaya.
- Dinda Tamara (2017). Comparasi antara Cerita Cinderella dalam Format Dongeng dan Film. *Jurnal Layar*, Vol. 4 No. 1. Fakulti Budaya dan Media Institut Seni Budaya Indonesia (ISBI) Bandung.
- Dr. Hjh Sharifah Nurul Huda Alkaff, Dr. James McLellan & Najib Noorashid (2018). Analisis Wacana Kritis Perbandingan Bagi Laporan Berita Terkini Dalam Dua Akhbar Malaysia. *Rampak Serantau*, 25, 1-51, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka. Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Universiti Brunei Darussalam.
- Faiznur Farhana Jaafar & Badrul Redzuan Abu Hassan (2016). Mengkonstruksi ‘Kesabahan’: Analisis Kritis Sinematik Terhadap Wacana Kedaerahan. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication* Jilid 32 (2) 2016: 165-183. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hasuria Che Omar (2012). Analisis Wacana Kritis dalam Program Televisyen Raja Lawak dan Implikasinya terhadap Psikososial Audiens Di Malaysia. *Jurnal Bahasa* (Volume 12, No. 1, 2012, Pages 60 to 86. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan. Universiti Sains Malaysia.
- Isma Yudi Primana (2016). Wacana Etnosentrisme dalam Novel (Analisis Wacana Kritis dalam Novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck). Fakulti Ilmu Sosial dan Ilmu Politik. Universiti Lampung.
- Luluk Sekar Tunjung (2019). Transformasi Novel ke Film Kirishima, Bukatsu Yameruttey (Kajian Ekranisasi). Fakulti Ilmu Budaya, Universiti Diponegoro, Semarang.

- Mohamad Azmi Bin Ab. Rahman & Phat A/L Awang Deng (2016). Mencari Titik Persamaan dan perbezaan dalam Novel dan Filem Popular Melayu. *Proceeding of ICECRS*, 1 (2016) 1095-1106, International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016. Universiti Utara Malaysia.
- Mohamed Nazreen Shahul Hamid & Md. Salleh Yaapar (2015). Adaptasi Teks Hikayat Merong Mahawangsa Kepada Filem: Analisis Perbandingan Unsur Naratif. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* Jilid 8 Bil.2 2015. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Pulau Pinang, Malaysia.
- Normaliza Abd Rahim. (2018). Discourse Analysis Theory: Critical Views and Perspective. *IUKL research journal* 7 (1) 1-9.
- Nur Azliza Mohd Nor & Nur Afifah Vanitha Abdullah (2017). Filem sebagai Wadah Komunikasi: Sorotan Kajian Lepas Karya U-Wei Haji Saar. *Jurnal Melayu Isu Khas 2017*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Elyana Binti Madah & Zairul Anwar Md Dawam (2017). Analisis Struktur Naratif Tiga Babak Blake Snyder Filem Tenggelmnya Kapal Van Der Wijck (2013). *Journal of Humanities, Language, Culture and Business (HLCB)* Vol. 1: No. 4 page 78-93. Faculty Humanities, Arts and Heritage. University Malaysia Sabah, Kota Kinabalu Sabah Malaysia.
- Nur Nafishah Azmi, Rohani Hashim & Rahimah A. Hamid (2012). Kesetiaan Kepada Teks: Dari Novel Ke Filem Ranjau Sepanjang Jalan. *Persidangan Shahnnon Ahmad dalam Sastera, Budaya dan Media*. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan USM & Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Yuhani Mohd. Nasir, Rahmah Bujang & Eizan Mat Hussain (2016). Animasi Cerita Bangsawan Puteri Saadong: Adaptasi Teks dan Persembahan. *MANU* Bil. 23, 143-160, 2016. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Roslina Mamat, Nor Shahila Mansor, Hazlina Abdul Halim & Normaliza Abd Rahim (2015). Manga dan Dojinshi Malaysia: Persamaan dan Perbezaan Ciri-ciri Luaran Karikatur. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication* Jilid 31(2) 2015: 477-492. Universiti Putra Malaysia.
- Sumanti (2015). Analisis Wacana Novel Supernova: Akar Karya Dee Lestari Sebuah Tinjauan Referensi. SMA Negeri Gemolong, Sragen.
- Sohaimi Abdul Aziz (2011). Laskar Pelangi: Satu Penelitian Adaptasi Novel ke Filem. *Jurnal Kemanusiaan* Vol. 18, No. 1, (2011), 35-52. Universiti Sains Malaysia.
- Wan Hasmah Wan Teh & Md. Salleh Yaapar (2015). *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* Jilid 8 Bil. 2 2015. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Pulau Pinang, Malaysia.